



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ASSUNTA
JALAN CHANGGAI
46000 PETALING JAYA
SELANGOR DARUL EHSAN
<http://www.smkassunta.edu.my>
EMEL: BEB8651@moe.edu.my

TEL : 03 - 79575745
79585416
FAX : 03 - 79559629



Ruj. Kami : SMKA.700-2/1/10(21)
Tarikh : 20 Februari 2023

Kepada:

Ibu bapa/penjaga yang dihormati,

Melalui:

Guru Besar

SK / SJK(C)/(T) _____

Tuan/Puan,

PENGESAHAN PENEMPATAN MURID TAHUN ENAM KE TINGKATAN SATU DAN KELAS PERALIHAN DI SMK ASSUNTA BAGI TAHUN 2023/2024

Perkara di atas dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pengesahan Pendaftaran Murid Tahun Enam ke Tingkatan Satu dan Kelas Peralihan di SMK Assunta bagi tahun 2023/2024 akan diadakan seperti ketetapan berikut :-

Tarikh	:	21-24 Februari 2023
Masa	:	9.00 pagi - 1.00 tengahari (Selasa-Khamis) 2.30 petang - 4.00 petang (Selasa-Khamis) 9.00 pagi - 12.00 tengahari (Jumaat) 3.00 petang - 4.00 petang (Jumaat)
Tempat	:	Pejabat SMK Assunta, Petaling Jaya
Kehadiran	:	Ibu bapa / Penjaga sahaja

3. Berikut adalah dokumen-dokumen yang perlu dibawa bersama bagi memudahkan segala urusan pendaftaran. Semua dokumen tersebut hendaklah disahkan terlebih dahulu dan serah kepada SMK Assunta semasa pendaftaran..

- i. Surat Penempatan ke Tingkatan 1 / Kelas Peralihan 2023/2024
- ii. Salinan keputusan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) 2022/2023
- iii. Salinan Keputusan PBD (Penggali Akhir 2022/2023)
- iv. Salinan Sijil Kelahiran Murid / Sijil Anak Angkat
- v. Salinan Kad Pengenalan Murid
- vi. Salinan Kad Pengenalan Ibu bapa / Penjaga
- vii. Bil air/ bil elektrik/ bil Astro terkini atas nama ibu bapa
- viii. Sijil Perkahwinan / Cerai dan surat perintah mahkamah tentang hak penjagaan anak (jika berkenaan).

4. Rayuan penempatan ke sekolah lain.

4.1 Tarikh akhir pengesahan penempatan adalah pada **24 Februari 2023, sebelum jam 11.00 pagi di pejabat sekolah**. Bagi proses Rayuan Penempatan Semula ke sekolah lain **ANTARA NEGERI / ANTARA DAERAH**, borang Rayuan Penempatan Semula (RPS) boleh diperolehi di Pejabat sekolah. Borang tersebut mestilah dilengkapkan oleh ibu bapa / penjaga pada hari yang sama untuk proses permohonan dan kelulusan.

4.2 Dokumen yang diperlukan bagi proses pertukaran adalah seperti berikut :-

- i. DUA salinan keputusan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) 2022/2023
- ii. DUA salinan keputusan PBD (Penggali Akhir 2022/2023)
- iii. DUA salinan Sijil Kelahiran Murid / Sijil Anak Angkat
- iv. DUA salinan Kad Pengenalan Murid dan Ibu bapa/ penjaga
- v. DUA salinan bil air/ bil elektrik/ bil Astro terkini (mesti atas nama ibu bapa)
- vi. DUA salinan surat nikah/ salinan surat cerai dan surat perintah mahkamah tentang hak penjagaan anak (jika berkenaan).

4.3 Keputusan Rayuan Penempatan Semula akan dimaklumkan kepada ibu bapa bermula 6 Mac 2023. Ibu bapa / penjaga perlu mengambil surat keputusan rayuan penempatan semula di Pejabat SMK Assunta bermula pada 6-10 Mac 2023 bermula pukul 10.00 pagi– 4.30 petang. Sebarang perubahan akan dimakluman melalui saluran Telegram rasmi sekolah.

4.4 Hari Orientasi Tingkatan 1 dan Peralihan akan diadakan seperti ketetapan berikut :-

Tarikh : 18 Mac 2023

Masa : 8.00 pagi

Tempat : Dewan Sister Enda, SMK Assunta, Petaling Jaya

Pakaian : Pakaian Seragam Sekolah Menengah

5. Bersama-sama dengan ini disertakan juga QR Kod untuk menyertai saluran Telegram Tingkatan Satu dan Peralihan 2023/2024 di mana segala makluman berkaitan akan dimaklumkan dalam saluran Telegram tersebut dari semasa ke semasa. Sila imbas QR kod tersebut.

Kerjasama tuan/puan tentang perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.Terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


.....
(MAGES WARI A/P SUBRAMANIAM)
Pengetua
SMK Assunta

LAMPIRAN 1

**SILA SCAN QR CODE BERIKUT UNTUK MENYERTAI
TELEGRAM CHANNEL “TING.1 & PERALIHAN 2023/2024”
INFO TERKINI BERKAITAN SESI PERSEKOLAHAN DAN PROGRAM SEKOLAH
AKAN DISALURKAN MELALUI CHANNEL TERSEBUT**



LAMPIRAN 2

URUSAN KOPERASI

Keperluan asas koperasi yang perlu dibeli semasa pengesahan penempatan.

Murid-murid dikehendaki membawa bersama wang sebanyak RM36.50 untuk bayaran item-item seperti berikut :-

KEPERLUAN UNTUK TINGKATAN 1 / PERALIHAN				
Bil	Perkara	Kuantiti	Harga (RM) seunit	Jumlah
1.	Buku Peraturan Sekolah	1 buah	5.50	5.50
2.	Buku Biodata Pelajar	1 buah	6.00	6.00
3.	Stoking sekolah	1 pasang	5.00	5.00
4.	Lencana sekolah	2 keping	1.20	2.40
5.	Fail Penilaian Prestasi	1 unit	13.00	13.00
6.	Tag nama sementara	1 unit	0.60	0.60
7.	Beg	1 buah	4.00	4.00
JUMLAH				36.50
JUMLAH PERLU DIBAYAR				36.50

*Sila bawa jumlah wang yang tepat

Murid yang ingin memohon rayuan penempatan semula tidak perlu membeli item-item yang disebut di atas. Sila maklumkan kepada guru bertugas semasa membuat pengesahan penempatan.

BARANGAN KEPERLUAN LAIN YANG BOLEH DIBELI DI KEDAI KOPERASI SMK ASSUNTA

Bil	Barang	Harga Seunit (RM)	Catatan
1	Baju Sukan Sekolah	22.00	Wajib dipakai pada waktu PJPk
2	Seluar Panjang Sekolah	30.00	Wajib dipakai semasa aktiviti sekolah
3	Seluar Pendek Sekolah	28.00	
4	Tali Leher Sekolah	10.00	Wajib dipakai pada hari Isnin (Pinafor)
5	Kerongsang	3.50	Wajib dipakai untuk baju kurung